

Usul enakmen khas dalam sidang DUN akan datang

utusan malaysia (2016-01-09)

MELAKA 1 Feb. - Usul memperkenalkan enakmen khas bagi membanteras tuntutan mana-mana pihak yang mendakwa berketurunan raja atau sultan Melaka akan dibentangkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) akan datang.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, usul tersebut dijangka akan dibentangkan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Warisan negeri, Datuk Norpipah Abdol.

Menurutnya, enakmen khas itu akan mengenakan tindakan lebih keras terhadap mereka yang menuntut perkara-perkara karut termasuk 'Sultan Melaka' dan 'Bonda Ratu'.

"Saya kira enakmen itu nanti akan melindungi pihak kerajaan negeri dan boleh diaplikasikan untuk mengambil tindakan-tindakan dan mengenakan hukuman yang lebih keras kepada mereka yang menuntut sebagai waris sultan Melaka dan segala yang berkaitan dengannya.

"Usul itu akan dibentangkan dalam sidang DUN kalau tidak Mac ini kita akan bawa ke pertengahan tahun sebagai urusan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas menutup Forum Khas: Isu Sultan Melaka dan Bonda Ratu di Banda Hilir, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Datuk Mohd. Jamie

'Sultan Melaka', 'Bonda Ratu' gila kuasa, takhta - Idris

NORLIZA MOHAMAD KARIA
nmalaja@utusan.com.my

MELAKA 8 JAN.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron menyifatkan dua individu yang mendakwa mereka berketurunan raja dan gila kuasa dan gila takhta sehingga sanggup menjadikan negeri dan negara sebagai bahan jenaka.

Menurutnya, tindakan kedua-dua individu yang menggelar diri mereka sebagai 'Sultan Melaka' dan 'Bonda Ratu' ini bukan



KERATAN Utusan Malaysia 9 Januari 2016.

Mukmin; Pengurus Besar IKSEP, Datuk Aziz Ujang dan Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (Perzim), Datuk Khamis Abas.

Mingguan Malaysia baru-baru ini mendedahkan ribuan gelaran 'Datuk' dan 'Datuk Seri' palsu telah diberikan oleh individu tertentu termasuk daripada 'Sultan Melaka' dan 'Bonda Ratu' yang sesuka hati menganjurkan majlis penganugerahan darjah dan pingat kebesaran.

Pendedahan itu menarik perhatian rakyat negara ini termasuk

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kasim yang menegaskan akan membawa serta merta isu berkaitan penganugerahan gelaran 'Datuk' dan 'Datuk Seri' yang tidak diiktiraf ke Kabinet.



IDRIS HARON

Idris berkata, resolusi yang diperoleh daripada forum tersebut akan digunakan sebagai rujukan sebelum memperkenalkan enakmen khas itu.

Antara resolusi dalam forum itu ialah kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak

perlu menjalankan kajian mengenai Sultan Melaka kerana sudah jelas secara fakta bahawa negeri itu tidak lagi mempunyai sultan selepas 1528.

Dalam pada itu, ketika brucap pada majlis penutupan itu, Idris berkata, buku-buku berkaitan salasilah keturunannya dalam Kesultanan Melayu Melaka wajar dikeluarkan semula dalam usaha menangani isu pihak-pihak tertentu yang menuntut sebagai waris serta keturunan raja di peringkat negeri dan nasional.

Katanya, kerajaan negeri tidak akan mengiktiraf mana-mana individu yang menggelar diri sebagai Sultan Melaka atau Bonda Ratu atau apa juga gelaran yang diberikan.

"Begitu juga dengan aktiviti penganugerahan darjah bergelaran yang menyamai penganugerahan oleh sembilan sultan atau raja Melayu dan empat tuan yang terutama negeri.

"Saya menganggap perbuatan seperti ini sebagai perlakuan yang sengaja dilakukan serta tidak bertanggungjawab sekali gus menghina institusi kesultanan secara keseluruhannya di negara ini," katanya.